

ARAHAN PESURUHJAYA TANAH DAN GALIAN, TERENGGANU BILANGAN 5/1969.

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.  
Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.  
Pemungut Hasil Tanah, Dungun.  
Pemungut Hasil Tanah, Besut.  
Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.  
Pemungut Hasil Tanah, Marang.  
Settlement Collector, Terengganu.

PERJALANAN SURAT MENYURAT.

Masih juga didapati bahawa ada surat-surat jawapan atau pun ulangan yang diterima daripada Pemungut-pemungut Hasil Tanah atas sesuatu perkara yang dalam perjalanan tidak mengandungi bilangan fail yang berkenaan. Ini telah menyebabkan kelambatan tindakan atas perkara itu kerana masa terbuang bagi menyemak bilangan fail yang berkenaan daripada buku daftar. Tambahan, kadang-kadang pula surat yang diterima daripada Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah terlampau umum.

2. Bagi menyegerakan perjalanan surat menyurat, Pemungut-pemungut Hasil Tanah dan kakitangan adalah dirujuk kepada 'Manual of Office Procedure' untuk dipatuhi.
3. Pejabat ini tidak dapat melayan mana-mana surat yang diterima yang tidak mengandungi maklumat-maklumat dan bilangan fail-fail pejabat ini yang berkaitan dengan sepenuhnya.

t.t.  
(DATO' MOHAMAD BIN IBRAHIM)  
Pesuruhjaya Tanah dan Galian  
Terengganu.

Bil. P.T.&G.TR. 12/10/ - (17)

s.k.  
Y.B. Setiausaha Kerajaan,  
Terengganu.

Kuala Terengganu, 7hb. Mei, 1969.